



TAWARAN BIASISWA SUKAN PERSEKUTUAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Atlet Malaysia dalam bidang pengajian berikut di Universiti/ IPT Tempatan yang diiktiraf Kerajaan adalah dipelawa untuk memohon Biasiswa Sukan Persekutuan Kementerian Belia dan Sukan

SYARAT KELAYAKAN

Permohonan hanya terbuka kepada **atlet** yang memenuhi syarat:

1. Warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi umur yang ditetapkan pada tarikh tutup permohonan:
 - i. **25 tahun** bagi pengajian peringkat **Diploma secara sepenuh masa**; atau
 - ii. **30 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Sarjana Muda Pertama secara sepenuh masa**.
2. Atlet yang masih aktif dalam sukan dengan sekurang-kurangnya **memenangi pingat** dalam Sukan Malaysia (SUKMA), Sukan Universiti ASEAN (SUA) atau Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) atau Kejohanan Kebangsaan yang diiktiraf sebelum tarikh tutup permohonan. Penyertaan 2 tahun kebelakang sahaja diambil kira. Pegawai dan jurulatih sukan tidak layak memohon.
3. Kategori permohonan:
 - i. **Pelajar yang sedang mengikuti pengajian secara sepenuh masa** di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan hendaklah mencapai **minimum Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) seperti berikut** pada semester terkini (semasa permohonan dibuat) dengan **baki tempoh pengajian dua (2) semester atau lebih**:
 - a. Minimum PNGK 2.00 bagi atlet yang mewakili negara; dan
 - b. Minimum PNGK 2.50 bagi atlet yang mewakili institusi/negeri.
 - ii. **Pelajar baru** hendaklah telah mendapat surat tawaran pengajian di peringkat Diploma / Ijazah Sarjana Muda Pertama dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Tempatan **secara sepenuh masa**.
4. **Tidak menerima sebarang tajaan / biasiswa daripada mana-mana institusi / agensi kerajaan / swasta** yang lain.
5. Sihat dari segi mental dan fizikal.
6. Pemohon-pemohon yang menerima hadiah biasiswa ini hendaklah terus giat di dalam latihan dan pertandingan-pertandingan sukan pilihannya semasa tempoh pengajiannya dan juga dikehendaki mewakili negara di dalam pertandingan-pertandingan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa sekiranya diperlukan.
7. Pemohon-pemohon yang dipilih hendaklah berkelakuan baik (good-character) dan mempunyai minat serta semangat yang tinggi.

Permohonan hendaklah dibuat secara atas online di e-Biasiswa @ www.kbs.gov.my Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Tel: 03-88713551 / 3558/ 3537.

Tarikh tutup permohonan : **6 Mei 2018**